



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM KEUSAHAWANAN COCA COLAKU VIA
KPDNHEP**

4 MAC 2019 (ISNIN)

DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDNHEP

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis;

SALUTASI

YB Tuan Chong Chieng Jen

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

Mr Barry O'Connel

Chief Executive Officer for

Malaysia-Singapore-Brunei

Bottling Investment Group, The Coca-Cola Company

Mr Ahmed Yehia

Country Manager for

Singapore-Malaysia-Brunei, The Coca-Cola Company

YBhg. Datuk Badrul Hisham Bin Mohd

Timbalan KSU (Perdagangan dalam Negeri)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua-ketua agensi KPDNHEP;

Ketua-ketua bahagian KPDNHEP;

Para pensyarah dan penuntut-penuntut dari universiti-universiti awam (UKM, UPM dan USIM);

Usahawan-usahawan PKS;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan/puan-puan hadirin yang saya muliakan sekalian

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun dalam program **Keusahawanan Coca-ColaKu via KPDNHEP** pada hari ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada YBhg. Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dapat hadir bersama-sama di dalam program ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak Coca-Cola Malaysia kerana dapat menganjurkan program ini hasil kerjasama dengan KPDNHEP. Saya difahamkan bahawa program yang berbentuk kerjasama ini bolehlah dikategorikan sebagai salah satu inisiatif kerjasama antara pihak swasta dan kementerian; dan ini merupakan sebuah program yang pertama kali diadakan di negara ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Coca-Cola adalah merupakan satu jenama yang cukup dikenali di seluruh dunia. Jenama Coca-Cola ini merupakan jenama minuman yang terbesar di dunia dengan lebih daripada **500** jenama produk di bawahnya.

Mengikut statistik, minuman berjenama Coca-Cola ini dinikmati oleh lebih daripada satu bilion pengguna di **200** buah negara pada setiap hari dan kejayaan syarikat ini adalah begitu mengagumkan. Saya

dimaklumkan pada tahun 2018 sahaja, syarikat Coca-Cola ini telah mencatatkan jualan bersih berjumlah **\$31.9 bilion** dolar Amerika.

Oleh itu, pada hari ini, kementerian berasa berbangga kerana dapat menjalinkan kerjasama dengan sebuah syarikat multinasional yang begitu terkenal seperti syarikat Coca-Cola ini.

Hadirin yang saya muliakan,

Program keusahawanan Coca-Colaku via KPDNHEP ini secara umumnya adalah merupakan sebuah program kerjasama di antara KPDNHEP dengan pihak Coca-Cola Malaysia untuk memberikan latihan keusahawanan kepada para usahawan dan bakal usahawan terutamanya kepada golongan wanita, belia dan siswazah universiti melalui kaedah latihan teori dan praktikal bagi membolehkan mereka memahami bidang keusahawanan dan memulakan perniagaan secara mikro dengan sasaran untuk memperkasakan sejumlah **20,000** usahawan-usahawan baru di seluruh negara menjelang tahun 2020.

Program komuniti usahawan Coca-Cola atau lebih mudah dikenali sebagai Coca-Colaku via KPDNHEP ini akan mempersiapkan para peserta dengan keperluan asas perniagaan di mana latihan akan dikendalikan oleh para pelatih dari pihak Coca-Cola Malaysia yang pakar dalam bidang asas perniagaan, penjenamaan, pemasaran manakala pihak KPDNHEP akan membantu menyediakan seberapa

ramai peserta yang berminat untuk menyertai program ini.

Modul latihan Coca-Cola ini akan meliputi kaedah asas bagaimana untuk memulakan perniagaan, menyimpan buku kira-kira, menguruskan debit dan kredit, mengawal selia aliran tunai perniagaan dan pelbagai lagi.

Hadirin yang saya muliakan,

Keusahawanan merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pencapaian pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan kepada pelan induk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerajaan mensasarkan peningkatan sumbangan PKS kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak **41%** pada tahun 2018 berbanding **37%** pada tahun 2017.

Bagi mencapai sasaran tersebut, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan sumbangan perusahaan mikro kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dari golongan B40. Apa yang menarik adalah menurut data yang diperolehi, semakin banyak perusahaan mikro di negara ini yang dimiliki dan diketuai oleh golongan wanita. Walau bagaimanapun, laporan banci ekonomi 2017 menunjukkan bahawa bilangan ahli perniagaan wanita masih lagi kecil. Sejumlah **76.5%** daripada **907,065** PKS adalah merupakan usahawan mikro dan hanya **20.6%** daripada jumlah tersebut dimiliki oleh wanita.

Susulan itu, kerajaan telah mengambil tindakan progresif dengan menggalakkan lebih ramai wanita dan golongan belia untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pelbagai program-program keusahawanan yang dapat membuka peluang perniagaan serta merancakkan pertumbuhan sosio ekonomi. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang seimbang, kita memerlukan lebih ramai wanita dan belia untuk menceburi bidang keusahawanan supaya pembangunan keusahawanan lebih menyeluruh dan mapan.

Kerajaan memerlukan lebih banyak sokongan daripada pihak swasta, syarikat tempatan dan multinasional seperti Coca-Cola Malaysia untuk bekerjasama dalam melaksanakan inisiatif kerjasama awam-swasta bagi membantu mewujudkan dan memupuk ekosistem keusahawanan mikro di Malaysia dalam mencapai aspirasi untuk menjadi negara usahawan menjelang tahun 2020.

Hadirin yang saya muliakan,

Program Coca-ColaKu (komuniti usahawan) di antara KPDNHEP dengan Coca-Cola Malaysia ini telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Program ini adalah unik di mana ia merupakan inisiatif kerjasama awam-swasta yang menggalakkan golongan wanita dan belia terutamanya kumpulan B40 untuk menceburi bidang

keusahawanan mikro. KPDNHEP berbesar hati dapat bekerjasama dengan syarikat yang telah menjadi sebahagian daripada komuniti rakyat Malaysia sejak tahun **1936** lagi iaitu sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Bagi memperkasa dan memaksimumkan sumber pendapatan golongan wanita dan belia, program Coca-ColaKu via KPDNHEP ini telah dilaksanakan di seluruh negara termasuklah di Universiti-universiti awam serta lokasi-lokasi lain berdasarkan kumpulan sasaran. Kami percaya bahawa program-program seperti ini adalah penting dalam membantu mengembangkan peluang untuk menjana pendapatan tambahan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Dalam konteks tersebut, KPDNHEP berbangga dapat bekerjasama dengan Coca-Cola Malaysia melalui program Coca-Colaku (komuniti usahawan) untuk mewujudkan platform terbaik khususnya di kalangan wanita dan belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini juga adalah selaras dengan sasaran kerajaan untuk meningkatkan persaingan di kalangan PKS tempatan serta menyumbang kepada penglibatan wanita dan belia di dalam sektor tenaga kerja. Selain itu, ia juga merupakan inisiatif kepada golongan wanita dan belia dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.

Kementerian telah bekerjasama dengan Coca-Cola Malaysia untuk membangunkan program yang dapat meningkatkan kemahiran, menambah pengetahuan dan membolehkan peserta untuk memaksimumkan pendapatan mereka. Para peserta turut didedahkan dengan teknologi terkini yang boleh diguna pakai untuk memajukan perniagaan mereka.

Melalui program Coca-ColaKu (komuniti usahawan) yang mana modul dan silibusnya merangkumi satu hari kursus asas dan diikuti dengan tiga hari kursus lanjutan berdasarkan kelayakan dan minat peserta, jurulatih berkelayakan dari Coca-Cola Malaysia dan KPDNHEP akan menyediakan latihan yang lebih terperinci khususnya berkaitan peraturan-peraturan perniagaan, etika perniagaan dan pembiayaan mikro.

Sebagai contoh, sekiranya pelajar universiti ingin memulakan perniagaan, mereka perlu tahu bahawa mereka perlu mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Saya dimaklumkan bahawa SSM turut menawarkan Skim 1Pelajar 1Perniagaan iaitu kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian sepenuh masa di pusat pengajian dalam negara yang diiktiraf oleh kerajaan.

Dalam hal ini, KPDNHEP percaya bahawa adalah penting bagi golongan wanita dan belia yang ingin menjadi usahawan untuk lebih

peka mengenai peraturan, syarat-syarat, garis panduan dan polisi kerajaan bagi memastikan perniagaan yang mereka jalankan mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa.

Dengan bangganya ingin saya nyatakan di sini bahawa sejak program ini dimulakan pada tahun 2017 yang lalu, sehingga kini sejumlah **17,000** peserta telah menyertai program Coca-ColaKu via KPDNHEP. Jumlah ini merupakan jumlah yang sangat besar dan begitu memberangsangkan, dan kami yakin ia akan terus mendapat sambutan daripada para peserta sepanjang tahun ini. Fokus kumpulan sasar program Coca-Colaku via KPDNHEP pada tahun 2019 adalah kepada peserta-peserta di kawasan luar bandar bagi membantu mereka membuka peluang untuk menjana pendapatan.

Selain itu, terdapat juga nilai tambah di dalam pelaksanaan program pada tahun ini di mana peserta-peserta yang berminat akan didedahkan secara langsung bagaimana untuk menjadi peruncit di bawah model perniagaan Coca-Cola. Melalui program ini, ribuan belia dan wanita boleh memulakan perniagaan mereka sendiri, menambah sumber pendapatan dan dapat menambahbaik taraf kehidupan mereka.

Keusahawanan bukanlah sekadar memulakan sebuah perniagaan dan menyasarkan jualan serta keuntungan semata-mata. Tetapi ia adalah lebih kepada bagaimana seseorang peniaga itu menjadi kreatif dan

inovatif, berfikir di luar kotak untuk menghasilkan produk baru, memasuki pasaran-pasaran baru dan dalam masa yang singkat dapat menjadi ejen perubahan.

Sesungguhnya, program Coca-ColaKu (komuniti usahawan) adalah merupakan langkah terbaik dalam memupuk semangat keusahawanan di kalangan wanita dan belia khususnya golongan B40 di Malaysia. Ia merupakan antara platform dalam memacu pemeraksanaan ekonomi wanita dan belia yang seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan mampan.

Dari sudut makro pula, ia akan menggalakkan peserta dan bakal peserta untuk bekerja lebih gigih, mengeluarkan produk baru, teknologi baru, inovasi baru serta meluaskan rangkaian integrasi ekonomi serantau seperti komuniti ekonomi ASEAN (AEC) yang boleh menyokong rangkaian bekalan di peringkat serantau dan global.

Di dalam buku panduan kit permulaan perniagaan yang akan saya lancarkan sebentar lagi, ia akan menerangkan kepada para peserta program tentang pelbagai modul khusus untuk memahami alam perniagaan, bagaimana untuk menguasai kaedah pemasaran, menyediakan pelan perniagaan, menguruskan inventori dan yang paling utama sekali adalah bagaimana untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.

Sesungguhnya buku kit panduan perniagaan ini adalah satu-satunya buku panduan yang diwujudkan khas untuk program Coca-ColaKu via KPDNHEP dan ia tidak boleh didapati atau dijual di mana-mana kedai buku dan hanya boleh diperolehi secara eksklusif sekiranya seseorang usahawan menyertai program ini sahaja.

Hadirin yang saya muliakan,

Saya mempunyai satu berita baik untuk diumumkan, khusus untuk hadirin yang hadir dalam majlis pada hari ini. Saya ingin mengambil peluang dalam majlis ini untuk memperkenalkan satu insentif khas daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), iaitu salah satu agensi di bawah KPDNHEP. Insentif ini dikenali sebagai program IP Easy di mana pemfailan harta intelek ini akan ditawarkan khusus kepada usahawan-usahawan di bawah bimbingan kpdnhep.

Di bawah pakej khas ini, MyIPO akan membantu para usahawan melalui khidmat nasihat berkaitan cap dagangan (*trademark*) serta membimbing usahawan memfailkan sendiri cap dagang mereka. Dengan jaminan bimbingan sehingga lulus (gerenti lulus), di mana kadar pakej yang ditawarkan ini adalah jauh lebih berpatutan sekiranya dibandingkan dengan penggunaan khidmat juru perunding.

Saya dengan ini menyeru kepada sejumlah **1,762** usahawan-usahawan pks tempatan yang telah berdaftar dengan kpdnhep agar mengambil peluang program ini dan seterusnya dijadikan platform untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

Hadirin yang saya muliakan,

Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir pada hari ini terutamanya kepada Pihak Coca-Cola Malaysia kerana telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk merealisasikan program ini sehingga berjaya. Besarlah harapan saya agar program yang telah dirancangkan sepanjang tahun 2019 ini akan berjalan dengan lancar dan dapat mencapai matlamatnya.

Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini **merasmikan program keusahawanan Coca-Colaku via KPDNHEP.**

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.